A

Pendakwa Raya lwn Obyu Holding Sdn Bhd

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN JENAYAH NO WA-44–86–05 TAHUN 2019
MUHAMMAD JAMIL H
14 NOVEMBER 2022

C

Undang-Undang Jenayah — Pengubahan wang haram — Pelucuthakkan harta — Pemohon memohon perintah pelucuthakan harta yang disita di bawah s 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta') — Sama ada harta yang disita adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau hasil daripada aktiviti haram — Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ss 4(1) & 56(1) — Kanun Keseksaan ss 409 & 411

D

E

Ini adalah permohonan melalui notis usul terpinda ('kandungan 165') oleh pendakwa raya ('pemohon') di bawah s 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta') untuk melucuthakan harta iaitu 2,436 unit barang kemas, tujuh utas jam tangan, 29 unit beg tangan dan wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi. Pada 17 Mei 2018 pihak polis menyita wang tunai dalam pelbagai denominasi berjumlah RM114,164,393.44; 11,991 unit barang kemas; 401 utas jam tangan dan 16 unit aksesori jam tangan; 234 unit cermin mata dan 306 unit beg tangan daripada satu premis ('Pavillion Residence'). Tuan punya Pavillion Residence ialah OBYU Holding Sdn Bhd ('OBYU'). Pada 14 Mei 2019, pemohon memfailkan notis usul ('kandungan 1') untuk melucuthakan harta yang disita di bawah s 56(1) Akta dan OBYU dinamakan sebagai responden. Pada 22 Ogos 2019 suatu notis telah disiarkan dalam warta Kerajaan Persekutuan memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan ke atas harta yang disita supaya hadir di hadapan mahkamah pada 3 September 2019 untuk menunjuk sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthak. Berkaitan cermin mata dan beg tangan pihak ketiga ialah Datin Seri Rosmah bt Mansor ('DSR'). Berkaitan barang kemas pihak ketiga ialah DSR dan Global Royalty Trading Sal ('GRTS') yang mana GRTS menuntut satu unit. Berkaitan jam tangan dan aksesori jam tangan pihak ketiga ialah Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak ('DSN'). Berkaitan wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi pihak ketiga ialah DSN dan UMNO. Pada 10 Jun 2020 permohonan lisan pemohon dibenarkan dengan tiada bantahan daripada responden untuk meminda kandungan 1.

F

G

H

I

Dengan itu kandungan 1 hanya antara pemohon dan pihak ketiga sahaja, tiada responden. Pada 20 Mei 2021 permohonon pemohon untuk melucuthak wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi adalah ditolak. Pemohon telah mengembalikan sebahagian barang kemas, beg tangan dan semua cermin mata kepada pihak ketiga DSR dan sebahagian jam tangan dan semua aksesori jam tangan kepada pihak ketiga DSN. Berikutan itu pemohon memfailkan kandungan 165 ini. Afidavit yang relevan dengan permohonan dalam kandungan 165 ialah afidavit sokongan Timbalan Pendakwa Raya, Asisten Komisioner Polis Rajagopal a/l Ramadhass ('ACP Rajagopal'), Superintenden Polis Foo Wei Min; afidavit jawapan pihak ketiga DSN dan DSR; dan afidavit balasan pemohon. ACP Rajagopal menyatakan bahawa dua kesalahan predikat telah dilakukan iaitu pecah amanah jenayah oleh ejen di bawah s 409 Kanun Keseksaan ('KK') dan dengan curang menerima harta curi di bawah s 411 KK.

Diputuskan, menolak permohonan pemohon:

(1) ACP Rajagopal gagal untuk menjelaskan bagaimana kerana pelakuan kesalahan di bawah ss 409 dan 411 KK maka kesalahan di bawah s 4(1) Akta dilakukan. Tiada keterangan dan asas pelakuan kesalahan di bawah ss 409 dan 411 KK telah dibuktikan oleh pemohon. Atas imbangan kebarangkalian kesalahan predikat di bawah ss 409 dan 411 KK tidak dibuktikan. Oleh kerana pelakuan kesalahan predikat tidak dibuktikan maka tiada pelakuan kesalahan di bawah s 4(1) Akta. Dan tidak timbul isu bahawa harta yang disita itu diperoleh berkaitan dengan pelakuan kesalahan predikat. Atas imbangan kebarangkalian pemohon gagal membuktikan bahawa harta yang disita adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau hasil daripada aktiviti haram (lihat perenggan 61–62, 65–66, 68–69 & 77).

[English summary

This was an application by amended notice of motion ('encl 165') by the public prosecutor ('the applicant') under s 56(1) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('the Act') to forfeit property which was 2,436 units of jewellery, seven watches, 29 units of handbags and cash amounting to RM114,164,393.44 in various denominations. On 17 May 2018, the police seized cash in various denominations amounting to RM114,164,393.44; 11,991 units of jewellery; 401 watches and 16 watch accessory units; 234 units of glasses and 306 units of handbags from one premise ('the Pavillion Residence'). The owner of Pavillion Residence was OBYU Holding Sdn Bhd ('OBYU'). On 14 May 2019, the applicant filed a notice of motion ('encl 1') to forfeit the property seized under s 56(1) of the Act and OBYU was named as the respondent. On 22 August 2019 a notice was published in the Federal Government *gazette* summoning

any third party claiming to have any interest in the forfeited property to appear before the court on 3 September 2019 to show cause why the property should not be forfeited. In relation to the glasses and handbags the third party was Datin Seri Rosmah bt Mansor ('DSR'). In relation to the jewellery the third party were DSR and Global Royalty Trading Sal ('GRTS') of which GRTS claimed one unit. In relation to the watches and watch accessories, the third party was Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak ('DSN'). Regarding the cash amounting to RM114,164,393.44 in various denominations, the third parties were DSN and UMNO. On 10 June 2020 the applicant's oral application was allowed with no objection from the respondent to amend encl 1. Thus encl 1 was only between the applicant and the third party, no respondent. On 20 May 2021, the applicant's request to forfeit the cash amounting to RM114,164,393.44 in various denominations was dismissed. The applicant had returned part of the jewellery, handbags and all glasses to the third party DSR and part of the watch and all watch accessories to the third party DSN. Following that the applicant filed this encl 165. The affidavits relevant to the application in encl 165 were the supporting affidavits of the Deputy Public Prosecutor, Assistant Commissioner Police Rajagopal a/l Ramadhass ('ACP Rajagopal'), Superintendent Police Foo Wei Min; affidavits in reply of the third party DSN and DSR; and the applicant's affidavit in reply. ACP Rajagopal stated that two predicate offenses were committed, namely criminal breach of trust by the agent under s 409 of the Penal Code ('the PC') and fraudulently receiving stolen property under s 411 of the PC.

Held, dismissing the applicant's application:

(1) ACP Rajagopal failed to explain how because of the commission of an offense under ss 409 and 411 of the PC, the offense under s 4(1) of the Act was committed. No evidence and basis of the offense under ss 409 and 411 of the PC had been proved by the applicant. On the balance of probabilities, the predicate offense under ss 409 and 411 of the PC was not proven. Since the predicate offense was not proven, there was no offense under s 4(1) of the Act. And there was no issue that the forfeited property was obtained in connection with the commission of the predicate offence. On the balance of probabilities the applicant failed to prove that the forfeited property was a matter or evidence related to the commission of an offense under s 4(1) of the Act or the result of illegal activities (see paras 61–62, 65–66, 68–69 & 77).]

Kes-kes yang dirujuk

Francis Antonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 CLJ 481, MP (dirujuk)
Island and Peninsular Development Bhd & Anor v Legal Adviser, Kedah & Ors [1973] 2 MLJ 71 (dirujuk)
Noor Ismahanum Mohd Ismail v PP [2019] 2 MLJ 536; [2018] 10 CLJ 597, MR (dirujuk)

PP v Billion Nova Sdn Bhd & Ors [2016] MLJU 1823; [2016] 2 CLJ 763, MR (dirujuk)
PP v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors [2018] 6 MLJ 37; [2019] 3 CLJ 650, MR (dirujuk)
PP v Lau Kwai Thong [2009] 14 MLRH 632, MT (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ss 3, 4(1), 56, 56(1), (2)(a)(i), (2)(a)(ii), (2)(a)(iii), (2)(a)(iv), (2)(b), (4), 61(4)(a), (4)(b), (4)(c), (4)(d), (4)(e), 70(1), Jadual Kedua
Kanun Keseksaan ss 409, 411

Harris Ong bin Mohd Jeffery Ong (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pemohon.
Muhammad Shafee Abdullah (Tania Scivetti, Syazwani bt Mohd Zawawi dan Syatiqah bt Sofian bersamanya) (Shafee & Co) bagi pihak ketiga (Mohd Najib bin Hj Abd Razak).
Azamuddin bin Abd Aziz (Iskandar Shah bin Ibrahim bersamanya) (Azamuddin & Co) bagi pihak ketiga (Rosmah bt Mansor).

Muhammad Jamil H:

PENDAHULUAN

[1] Notis usul terpinda (kandungam 165) adalah permohonan Pendakwa Raya (pemohon) di bawah s 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta) untuk melucuthakan harta iaitu 2,436 unit barang kemas, tujuh utas jam tangan, 29 unit beg tangan dan wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi.

LATAR BELAKANG FAKTA

[2] Pada 17 Mei 2018 pihak polis menyita wang tunai dalam pelbagai denominasi berjumlah RM114,164,393.44; 11,991 unit barang kemas; 401 utas jam tangan dan 16 unit aksesori jam tangan; 234 unit cermin mata dan 306 unit beg tangan daripada premis No B-45–02, Tower 2, Pavillion Residence, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur ('Pavillion Residence') dan pada 1 November 2018 pihak polis menyita hartanah No Hakmilik HSD 120091, Lot PT 80, subseksyen 63, Daerah Kuala Lumpur.

[3] Tuan punya Pavillion Residence ialah OBYU Holding Sdn Bhd.

[4] Pada 14 Mei 2019, pemohon memfailkan notis usul (kandungan 1)

untuk melucuthakan harta yang disita di bawah s 56(1) Akta iaitu:

(a) barang kemas sebanyak 11,991 unit;

(b) jam tangan sebanyak 401 utas dan 16 unit aksesori jam tangan;

(c) cermin mata sebanyak 234 unit;

(d) beg tangan sebanyak 306 unit;

(e) wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi; dan

(f) hartanah nombor hakmilik HSD 120091, Lot PT 80, subseksyen 63, Daerah Kuala Lumpur.

[5] Kandungan 1 menamakan OBYU Holding Sdn Bhd sebagai responden.

[6] Kandungan 1 disokong oleh afidavit sokongan Timbalan Pendakwa Raya Harris Ong bin Mohd Jeffery Ong ('TPR Harris Ong') yang diikrarkan pada 14 Mei 2019 (kand 2), afidavit sokongan Asisten Komisioner Polis Rajagopal a/l Ramadhass ('ACP Rajagopal') yang diikrarkan pada 6 Mei 2019 (kandungan 3) dan afidavit sokongan Superintenden Polis Foo Wei Min ('Supt Foo') yang diikrarkan pada 6 Mei 2019 (kandungan 9).

[7] Pada 22 Ogos 2019 suatu notis telah disiarkan dalam warta Kerajaan Persekutuan memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan ke atas harta yang disita supaya hadir di hadapan mahkamah pada 3 September 2019 untuk menunjuk sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthak.

[8] Berkaitan cermin mata dan beg tangan pihak ketiga ialah Datin Seri Rosmah bt Mansor (DSR).

[9] Berkaitan barang kemas pihak ketiga ialah DSR dan Global Royalty Trading Sal ('GRTS') yang mana GRTS menuntut satu unit.

[10] Berkaitan jam tangan dan aksesori jam tangan pihak ketiga ialah Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak ('DSN').

[11] Berkaitan wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi pihak ketiga ialah DSN dan UMNO.

[12] Pihak ketiga DSR, pihak ketiga GRTS, pihak ketiga DSN dan pihak ketiga UMNO memfailkan afidavit jawapan mereka masing-masing.

[13] Pemohon memfailkan afidavit balasan kepada afidavit jawapan pihak ketiga DSR, pihak ketiga DSN dan pihak ketiga UMNO.

[14] Pada 10 Jun 2020 saya membenarkan permohonan lisan pemohon dengan tiada bantahan daripada responden untuk meminda kandungan 1 iaitu perenggan 1 (vi) dikeluarkan daripada kandungan 1 dan perenggan 1(i) hingga (vi) dipinda kepada perenggan 1(i) hingga (v).

[15] Dengan itu kandungan 1 hanya antara pemohon dan pihak ketiga sahaja, tiada responden.

[16] Pada tarikh pengurusan kes 14 September 2020, saya membenarkan permohonan lisan pihak ketiga DSN dan pihak ketiga UMNO walaupun dibantah oleh pemohon supaya tuntutan mereka ke atas wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi (perenggan 1(v) kandungan 1) didengar berasingan dengan tuntutan pihak ketiga lain yang menuntut harta lain. Berikutan itu, tarikh pendengaran ditetapkan untuk mendengar tuntutan pihak ketiga DSN dan pihak ketiga UMNO ke atas wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi ('pendengaran pertama').

[17] Pada 20 Mei 2021 saya menolak permohonon pemohon untuk melucuthak wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi (perenggan 1(v) kandungan 1).

[18] Pemohon telah mengembalikan sebahagian barang kemas, beg tangan dan semua cermin mata kepada pihak ketiga DSR dan sebahagian jam tangan dan semua aksesori jam tangan kepada pihak ketiga DSN.

[19] Berikutan itu pada 22 Jun 2022 pemohon memfailkan notis usul terpinda (kandungan 165).

[20] Kandungan 165 hanyalah berkenaan:

(a) barang kemas sebanyak 2,436 unit (perenggan 1(i));

(b) jam tangan sebanyak tujuh utas (perenggan 1(ii)); dan

(c) beg tangan sebanyak 29 unit (perenggan 1(iv)).

[21] Afidavit yang relevan dengan permohonan dalam kandungan 165 ialah kandungan 2, kandungan 3, kandungan 9 (afidavit sokongan pemohon), kandungan36 (afidavit jawapan pihak ketiga DSN), kandungan 153 (afidavit jawapan pihak ketiga DSR), kandungan 154 dan kandungan 156 (afidavit balasan pemohon).

TUAN PUNYA HARTA YANG DISITA TIDAK DINAMAKAN SEBAGAI RESPONDEN

[22] Kandungan 1 menamakan OBYU Holding Sdn Bhd yakni tuan punya Pavillion Residence sebagai responden. Pada pendengaran pertama peguam pihak ketiga DSN berhujah pihak polis mengetahui bahawa DSN dan UMNO adalah tuan punya wang tunai berjumlah RM 114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi yang mana DSN memegangnya sebagai pemegang amanah bagi UMNO namun mereka tidak dinamakan sebagai responden. DSN sebagai pihak ketiga dalam permohonan ini telah diletakan dengan beban lebih tinggi untuk memenuhi kehendak s 61(4)(a) hingga (e) Akta berbanding sebagai responden. Peguam pihak ketiga UMNO mengguna pakai hujahan peguam pihak ketiga DSN.

[23] Pada pandangan saya Akta tidak memperuntukkan bahawa sesiapa yang telah diserahkan dengan senarai penyitaan menurut s 45 Akta hendaklah dinamakan sebagai responden dalam suatu permohonan di bawah s 56(1) Akta. Tuan punya harta yang disita tidak dinamakan sebagai responden dalam kandungan1 dan tuan punya harta yang disita menuntut sebagai pihak ketiga dalam menentang permohonan pelucuthakan oleh pemohon tidak boleh dikatakan bahawa tuan punya harta yang disita telah diletakan dengan beban lebih tinggi untuk memenuhi kehendak s 61(4)(a) hingga (e) Akta berbanding sebagai responden. Ini kerana beban pemohon adalah sama untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian status harta yang disita sama ada jatuh dalam mana-mana subperenggan s 56(2)(a)(i) hingga (iv) Akta. Dan tanggung jawab Hakim Mahkamah Tinggi yang kepadanya permohonan dibuat di bawah s 56(1) Akta adalah ditetapkan oleh s 56(2) Akta. Hakim Mahkamah Tinggi hendaklah membuat suatu perintah pelucuthakan apabila berpuas hati bahawa harta yang disita jatuh dalam mana-mana subperenggan s 56(2)(a)(i) hingga (iv) Akta dan bahawa tidak terdapat pembeli suci hati bagi balasan bernilai berkenaan harta yang disita itu (s 56(2)(b) Akta). Apabila status keesahan harta yang disita telah ditentukan di bawah mana-mana subperenggan s 56(2)(a)(i) hingga (iv) Akta maka mahkamah akan mendengar tuntutan pihak ketiga sebelum perintah muktamad pelupusan harta yang disita itu sama ada dikembalikan kepada pihak ketiga ataupun dilucuthak.

PERMOHONAN PEMOHON

[24] Permohonan pemohon dalam kandungan 165 untuk melucuthakan 2,436 unit barang kemas, tujuh utas jam tangan dan 29 unit beg tangan (harta yang disita) adalah dibuat menurut s 56(1) Akta yang memperuntukkan seperti berikut:

> 56 (1) Subject to section 61, where in respect of any property seized under this Act there is no prosecution or conviction for an offence under subsection 4(1) or a

terrorism financing offence, the Public Prosecutor may, before the expiration of twelve months from the date of the seizure, or where there is a freezing order, twelve months from the date of the freezing, apply to a judge of the High Court for an order of forfeiture of that property if he is satisfied that such property is —

(a) the subject-matter or evidence relating to the commission of such offence;

(b) terrorist property;

(c) the proceeds of an unlawful activity; or

(d) the instrumentalities of an offence.

KEPERLUAN DI BAWAH S 56(1) AKTA

[25] Peguam pihak ketiga DSN berhujah pemohon gagal memenuhi keperluan di bawah s 56(1) Akta terutamanya pemohon tidak berpuas hati untuk menfailkan permohonan ini.

[26] Peguam pihak ketiga DSR berhujah permohonan ini menjadi sia-sia kerana pendakwaan telah dibuat terhadap pihak ketiga DSR bagi kesalahan di bawah s 4(1) Akta.

[27] Sebelum pemohon boleh membuat permohonan perlucuthakkan kepada Hakim Mahkamah Tinggi, pemohon mesti memenuhi keperluan di bawah s 56(1) Akta. Ini dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan dalam *Public Prosecutor v Billion Nova Sdn Bhd & Ors* [2016] MLJU 1823; [2016] 2 CLJ 763 dan *Public Prosecutor v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* [2018] 6 MLJ 37; [2019] 3 CLJ 650. Keperluan itu ialah tiada pendakwaan atau sabitan bagi kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau kesalahan pembiayaan keganasan berkenaan harta yang disita atau dibekukan, dan permohonan mesti dibuat sebelum luput tempoh 12 bulan dari tarikh penyitaan, atau apabila terdapat perintah pembekuan, 12 bulan dari tarikh pembekuan. Pemohon mesti berpuas hati bahawa harta yang disita adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau kesalahan pembiayaan keganasan; harta pengganas; hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan sebelum membuat permohonan sedemikian.

[28] Saya tidak setuju dengan hujahan peguam pihak ketiga DSN dan peguam pihak ketiga DSR. Dalam kes ini saya dapati pemohon telah memenuhi kesemua keperluan di bawah s 56(1) Akta. Ini boleh dilihat daripada afidavit sokongan TPR Harris Ong (kandungan 2) dan afidavit sokongan Supt Foo (kandungan 9). Berkenaan dengan harta yang disita tiada pendakwaan bagi kesalahan di bawah s 4(1) Akta (perenggan 7 kandungan 2). Permohonan ini dibuat pada 14 Mei 2019 sementara harta itu disita pada 17 Mei 2018 (perenggan 5 kandungan 9) yang mana adalah dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pemohon berpuas hati bahawa harta yang disita adalah hal

perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan di bawah s 409 Kanun Keseksaan (perenggan 8 kandungan 2).

[29] Kepuasan hati pemohon adalah subjektif berasaskan keterangan di mana dia bertindak bagi tujuan membuat permohonan di bawah s 56(1) Akta.Kepuasan subjektif pemohon adalah pandangannya sendiri berasaskan kepada semua keterangan yang ada. Adalah bagi pemohon untuk berpuas hati. Semestinya kepuasan hati pemohon tidak mengikat hakim Mahkamah Tinggi dalam membuat suatu perintah pelucuthakan harta di bawah s 56(2) Akta. Hakim Mahkamah Tinggi hanya akan membuat suatu perintah pelucuthakan apabila berpuas hati bahawa harta yang disita jatuh dalam mana-mana subperenggan s 56(2)(a)(i) hingga (iv) Akta, dan bahawa tidak terdapat pembeli sucihati bagi balasan bernilai berkenaan harta yang disita itu (s 56(2)(b) Akta).

TANGGUNG JAWAB HAKIM MAHKAMAH TINGGI DALAM SUATU PERMOHONAN DI BAWAH S 56(1) AKTA

[30] Tanggung jawab hakim Mahkamah Tinggi yang kepadanya permohonan dibuat di bawah s 56(1) Akta adalah diperuntukan oleh s 56(2) Akta seperti berikut:

> 56 (2) The judge to whom an application is made under subsection (1) shall make an order for the forfeiture of the property if he is satisfied —
>
> (a) that the property is —
>
> (i) the subject-matter or evidence relating to the commission of an offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence;
>
> (ii) terrorist property;
>
> (iii) the proceeds of an unlawful activity; or
>
> (iv) the instrumentalities of an offence; and
>
> (b) that there is no purchaser in good faith for valuable consideration in respect of the property.

[31] Perhatian utama hakim dalam suatu permohonan di bawah s 56(1) Akta adalah berkenaan dengan status keesahan (*legal status*) harta yang disita bukan kebersalahan atau sebaliknya mana-mana orang di bawah s 4(1) Akta atau kesalahan pembiayaan keganasan (lihat *Noor Ismahanum Mohd Ismail v Public Prosecutor* [2019] 2 MLJ 536; [2018] 10 CLJ 597). Dia hendaklah membuat suatu perintah pelucuthakan harta yang disita jika berpuas hati harta yang disita itu jatuh di bawah mana-mana subperenggan s 56(2)(a)(i) hingga (iv) Akta dan bahawa tidak terdapat pembeli suci hati bagi balasan bernilai berkenaan harta yang disita itu (s 56(2)(b) Akta).

A MAKSUD PERKATAAN BERPUAS HATI

[32] s 56(2) Akta menggunakan perkataan *satisfied* (berpuas hati). Hakim itu hendaklah membuat suatu perintah pelucuthakan harta jika dia berpuas hati.

B **[33]** Maksud perkataan berpuas hati telah dinyatakan dalam beberapa kes.

[34] Dalam *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 CLJ 481 Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

C The word 'satisfied' has been understood to mean, free from anxiety, doubt, perplexity, suspense or uncertainty (*Aiyar's Judicial Dictionary*, (11th Ed)). *Webster's New World Dictionary*, (3rd Ed) defines the word 'satisfy' as:

> to fulfil or answer the requirements or conditions of(something); to comply with (rules, standards, or obligations); to be free from doubt or anxiety, convince.

D *Bindra's Interpretation of Statutes*, (7th Ed) says at p 1113:

> 'Satisfied' should be read as meaning 'reasonably satisfied'. It cannot import an arbitrary or irrational state of being satisfied. Satisfaction must be honest, careful and deliberate, arrived after exercising due care and caution (In *re v Venkataramas* AIR [1949] Mad 529; *Liversidge v Anderson* [1942] AC 206, 271; *Ratam Roy v State of Bihar AIR* [1950] Pat 332, 345). The question of satisfaction is, however, a question of fact and it is a subjective consideration and not an objective consideration (In *re Jayantilal* AIR [1949] Bom 319, 333 (FB)).

E

F Thus, as Syed Agil Barakbah J (as he then was) said in *Island and Peninsular Development Bhd & Anor v Legal Adviser, Kedah & Ors* [1973] 2 MLJ 71 in construing the word 'satisfied' in s 380(1)(a) of the National Land Code at p 72:

> The word 'satisfy' means to furnish with adequate proof or to convince. Construing it in its ordinary and natural meaning, the duty lies with the applicants to satisfy the registrar by furnishing him with adequate proof that the registered documents of title have been registered in the wrong names.

G

It follows that in the passage just referred to a bare statement by the applicants that the registered documents of title have been registered in the wrong names is not sufficient. The registrar will be 'satisfied' only if he is convinced of the allegation by adequate proof that has been furnished to him by the applicants in order to avoid a satisfaction which is arbitrary or irrational.

H

[35] Dalam *Public Prosecutor v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors*, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

I [124] In the case of *Public Prosecutor lwn Abdul Razak Khan Abdul Aziz Khan & Ors* [2009] MLJU 195; [2009] 1 LNS 322, there was an application for forfeiture under s 37(3) of the Anti-Corruption Act 1997. In this case, the judge accepted that 'satisfied' must mean 'being reasonably satisfied on the facts of the case. It cannot import an arbitrary or irrational state of being satisfied. Satisfaction must be honest,

careful and deliberate, arrived after exercising due care and caution. The question of satisfaction is however a question of fact.

[125] In the case of *Tan Teik Soon & Ors v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 608; [2004] 1 LNS 86, there was an application for forfeiture under s 6(4) of the Betting Act 1953. The judge had to be satisfied that the money sought to be seized was used, or intended to be used for wagering. In this case, the court was also of the view that there must be sufficient facts and evidence before the judge before he can form an opinion that the properties seized was either used or intended to be used in the commission of the predicate offence, which in this case was betting/wagering. In this case an expert report was tendered to establish that the money was connected to the predicate offence. Additionally, there was a plea of guilt without qualification by the persons charged. On these facts an order for forfeiture was made.

[36] Dalam *Public Prosecutor v Billion Nova Sdn Bhd & Ors*, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

[17] In a similar fashion, the judge to whom the application is made, must also be satisfied, and such satisfaction must be arrived at on the balance of probabilities by virtue of ss 56(4) and 70(1), that the property is the subject matter or evidence relating to the commission of an offence under s 4(1).

[37] Jelasnya perkataan berpuas hati yang dinyatakan dalam s 56(2) Akta adalah berasaskan kepada pembuktian yang mencukupi (*sufficient proof*).

TAHAP PEMBUKTIAN DALAM SUATU PERMOHONAN DI BAWAH S 56(1) AKTA

[38] Dalam menentukan sama ada harta yang disita adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau kesalahan pembiayaan keganasan; harta pengganas; hasil daripada aktiviti haram; atau peralatan kesalahan mahkamah hendaklah mengguna pakai tahap pembuktian yang diperlukan dalam prosiding sivil dan apa-apa soalan fakta yang perlu diputuskan oleh mahkamah dalam prosiding bawah Akta hendaklah diputuskan oleh mahkamah atas imbangan kebarangkalian sepertimana diperuntukan oleh s 56(4) Akta dan s 70(1) Akta (lihat *Public Prosecutor v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* [2018] 6 MLJ 37; [2019] 3 CLJ 650 (MP)).

ANALISIS DAN DAPATAN

[39] Saya telah mendengar permohonan pemohon dalam kandungan 165. Saya telah membaca afidavit yang difailkan oleh pemohon (kandungan 2, kandungan 3, kandungan 9, kandungan 154 dan kandungan 156), pihak ketiga DSN (kandungan 36) dan pihak ketiga DSR (kandungan 153). Saya telah menimbang hujahan bertulis dan hujahan lisan TPR, hujahan bertulis

dan hujahan lisan peguam pihak ketiga DSN dan hujahan bertulis dan hujahan lisan peguam pihak ketiga DSR.

[40] TPR memaklumkan mahkamah bahawa satu unit barang kemas (Diamond Emerald Bracelet, 89.42 carats 16 diamonds (US$220,500) no eksh polis: B7(b7–991) telah dikembalikan kepada pihak ketiga GRTS dan pihak ketiga DSN dan pihak ketiga DSR tidak berminat untuk meneruskannya, menjadikan bilangan barang kemas untuk dilucuthak adalah 2,435 unit manakala jam tangan dan beg tangan bilangannya sama seperti dalam kandungan 165 iaitu tujuh utas dan 29 unit masing-masing.

[41] Berikutan itu peguam pihak ketiga GRTS memohon untuk menarik balik tuntutan pihak ketiga GRTS dan mahkamah membatalkan tuntutan pihak ketiga GRTS.

[42] Alasan permohonan yang dinyatakan dalam kandungan 165 ialah harta yang disita adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan.

[43] Menurut TPR asas permohonan pemohon ialah bahawa harta yang disita adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau hasil daripada aktiviti haram.

[44] Dalam konteks kes ini apa yang perlu saya tentukan ialah sama ada harta yang disita adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta (s 56(2)(a)(i) Akta) atau hasil daripada aktiviti haram (s 56(2)(a)(iii) Akta). Ini berdasarkan kepada asas permohonan pemohon bahawa harta yang disita adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau hasil daripada aktiviti haram.

[45] Kes pemohon telah dinyatakan dengan terperinci oleh TPR dalam hujahan bertulis (perenggan 16 hingga 33 kandungan 166).

[46] TPR berhujah akaun AmBank bernombor 2112022009694(9694) milik DSN menerima RM2,973,896,219.96 yang berasal daripada 1Malaysia Development Bhd ('1MDB'). Wang ini adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau hasil daripada aktiviti haram iaitu kesalahan pecah amanah jenayah oleh ejen di bawah s 409 Kanun Keseksaan (KK) dan kesalahan dengan curang menerima harta curi di bawah s 411 KK. RM2,973,896,219.96 yang berada dalam akaun AmBank 9694 DSN adalah bukti prima facie pelakuan kesalahan predikat pecah amanah jenayah oleh ejen di bawah s 409 KK dan atau dengan curang

menerima harta curi di bawah s 411 KK. 2,440 unit barang kemas termasuk 2,435 unit dalam permohonan ini adalah diperoleh hasil daripada aktiviti haram iaitu penyelewengan wang 1MDB menerusi Blackstone Asia Real Estate Partners ('Blackstone'), Alsen Chance Holdings Ltd ('Alsen Chance'), Blackrock Commodities (Global) Ltd ('Blackrock') dan Brightstone Jewellery Ltd ('Brightstone') berjumlah US$247,599,466.00. Tujuh utas jam tangan dalam permohonan pelucuthakan ini adalah jam tangan Richard Mille dan jam tangan ini adalah diperoleh dengan menggunakan dana penyelewengan 1MDB menerusi Alsen Chance. Alsen Chance telah membayar US$1,580,860 kepada satu syarikat pengeluar jam tangan Richard Mille menerusi dua bayaran pada 8 Ogos 2012 berjumlah US$990,100 dan pada 16 Ogos 2012 berjumlah US$590,760.00 bagi pembelian jam tangan berjenama Richard Mille. Blackrock telah membuat satu pembayaran berjumlah US$665,000 bertarikh 7 Oktober 2013 kepada satu syarikat bernama Samilor Enterprise Inc ('Samilor') di New York, Amerika Syarikat. Pembayaran ini adalah bagi pembelian 13 unit beg tangan Hermes yang disenaraikan dalam inboisnya bernombor 838. 11 unit beg tangan Hermes yang disita adalah berpadanan dengan deskripsi beg tangan Hermes dalam inbois bernombor 838. Blackrock telah membuat satu pembayaran berjumlah US$980,000 bertarikh 21 November 2013 kepada Samilor bagi pembelian 20 unit beg tangan Hermes *Birkin*. Pemilik Samilor mengesahkan 18 unit beg tangan Hermes *Birkin* yang disita adalah berpadanan dengan deskripsi dalam inboisnya.

[47] Peguam pihak ketiga DSN mengguna pakai dan bersandarkan kepada hujahan sama pihak ketiga DSN pada pendengaran pertama. Isu utama yang dibangkitkan dalam permohonan ini adalah serupa dengan isu dalam pendengaran pertama iaitu kesalahan predikat dan jejak wang tidak dibuktikan dan tiada kaitan wang 1MDB yang diselewengkan dengan tujuh utas jam tangan yang disita.

[48] Peguam pihak ketiga DSR mengguna pakai hujahan peguam pihak ketiga DSN pada pendengaran pertama (perenggan G (iv) ms 52–80 kandungan 106) berkenaan kesalahan predikat di bawah s 409 KK dan s 411 KK. Selanjutnya peguam pihak ketiga DSR berhujah pemohon gagal membuktikan 2,435 unit barang kemas dan 29 unit beg tangan yang disita telah diperoleh daripada wang 1MDB yang diselewengkan.

[49] Tanggungjawab pemohon dalam suatu permohonan untuk perlucuthakan di bawah s 56 AMLATFA telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Public Prosecutor v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* seperti berikut:

> [39] The provision of s 56 of the AMLATFA does not absolve the prosecution from proving on a balance of probabilities that the properties seized under the purview of the Act were procured as a result of or in connection with an illegal activity or

transaction. The PP must be able to prove that the properties seized were procured in connection with the commission of the predicate offence.

[42] Even on the balance of probabilities it is nevertheless incumbent upon the prosecution in an application for forfeiture under s 56 of the AMLATFA to prove the following:

(a) the existence of a predicate offence, the evidence and basis upon which the commission of the offence has been established;

(b) identify the proceeds or 'the subject matter of the predicate offences; and

(c) the manner the respondents have abetted or participated in the commission of the predicate offence.

[50] Sungguh pun dalam kes *Public Prosecutor v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* permohonan untuk pelucuthakan adalah di bawah s 56(1) AMLATFA dan kes di hadapan saya permohonan untuk pelucuthakan adalah di bawah s 56(1) Akta (AMLATFPUA) namun pada pandangan saya prinsip yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa harta yang disita diperoleh berkaitan dengan pelakuan kesalahan predikat; kewujudan kesalahan predikat, keterangan dan asas pelakuan kesalahan; dan hasil atau hal perkara kesalahan predikat adalah juga relevan dan terpakai kepada permohonan ini.

[51] Persoalannya ialah sama ada aktiviti haram (kesalahan predikat) dalam kes ini telah dibuktikan.

[52] Takrif aktiviti haram (*unlawful activity*) dalam s 3 Akta adalah seperti berikut:

'unlawful activity' means —

(a) any activity which constitutes any serious offence or any foreign serious offence; or

(b) any activity which is of such a nature, or occurs in such circumstances, that it results in or leads to the commission of any serious offence or any foreign serious offence,

regardless whether such activity, wholly or partly, takes place within or outside Malaysia.

[53] Takrif hasil daripada aktiviti haram (*proceeds of an unlawful activity*) dalam s 3 Akta adalah seperti berikut:

'proceeds of an unlawful activity' means any property, or any

economic advantage or economic gain from such property, within or outside Malaysia —

(a) which is wholly or partly —

(i) derived or obtained, directly or indirectly, by any person from any unlawful activity;

(ii) derived or obtained from a disposal or other dealings with the property referred to in subparagraph (i); or

(iii) acquired using the property derived or obtained by any person through any disposal or other dealings referred to in subparagraph (i) or (ii); or

(b) which, wholly or partly, due to any circumstances such as its nature, value, location or place of discovery, or to the time, manner or place of its acquisition, or the person from whom it was acquired, or its proximity to other property referred to in subparagraph (a)(i), (ii) or (iii), can be reasonably believed to be property falling within the scope of subparagraph (a) (i), (ii) or (iii).

[54] Takrif kesalahan berat (*serious offence*) dalam s 3 Akta adalah seperti berikut:

'serious offence' means —

(a) any of the offences specified in the Second Schedule;

(b) an attempt to commit any of those offences; or

(c) the abetment of any of those offences.

[55] Daripada takrif di atas aktiviti haram merujuk kepada suatu kesalahan berat atau mengakibatkan atau menyebabkan pelakuan suatu kesalahan berat yang mana ia adalah mana-mana satu daripada kesalahan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua Akta. Dan hasil daripada aktiviti haram merujuk kepada apa-apa harta atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu yang berada di dalam atau di luar Malaysia yang mana keseluruhan atau sebahagiannya diperoleh atau didapati secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana orang daripada sebarang aktiviti haram atau diperoleh atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang diperoleh atau didapati secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang aktiviti haram atau diperoleh dengan menggunakan harta yang diperoleh atau didapati secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang aktiviti haram atau diperoleh atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang diperoleh atau didapati secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang aktiviti haram.

[56] ACP Rajagopal adalah pegawai penyiasat predikat. ACP Rajagopal menyatakan dalam kandungan 3 (perenggan 38, 39 dan 40) bahawa dua kesalahan predikat telah dilakukan iaitu pecah amanah jenayah oleh ejen di bawah s 409 KK dan dengan curang menerima harta curi di bawah s 411 KK.

[57] Aktiviti haram dalam kes ini ialah kesalahan di bawah s 409 KK dan s 411 KK. Kesalahan ini adalah kesalahan berat yang disenaraikan dalam Jadual Kedua Akta. Kesalahan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua Akta adalah kesalahan predikat bagi kesalahan pengubahan wang haram.

[58] Adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk membuktikan terlebih dahulu bahawa kesalahan predikat (aktiviti haram) telah dilakukan, sebelum mahkamah meneruskan untuk menimbang sama ada harta yang ingin dilucuthak (harta yang disita) diperoleh berkaitan dengan pelakuan kesalahan predikat (lihat penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam *Public Prosecutor v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors*).

[59] Bagi kesalahan di bawah s 409 KK ACP Rajagopal menyatakan dalam perenggan 38 bahawa siasatannya mendapati tanpa keraguan bahawa US$1.03 billion yang diperoleh Good Star dalam akaunnya bernombor 11116073 RBS Coutts diperoleh melalui pelakuan jenayah iaitu pecah amanah jenayah oleh ejen di bawah s 409 KK. ACP Rajagopal juga menyatakan dalam perenggan 40 bahawa US$637 juta yang diperoleh Blackstone Asia Real Estate Partners (Blackstone) dalam akaunnya Standard Chartered diperoleh melalui perbuatan jenayah iaitu pecah amanah jenayah oleh ejen di bawah s 409 KK.

[60] Walau bagaimanapun tiada keterangan yang menunjukan bahawa setiap satu elemen kesalahan di bawah s 409 KK telah dibuktikan. ACP Rajagopal gagal mendedahkan/mengenal pasti:

(a) siapa telah diamanahkan dengan wang 1MDB;

(b) siapa mempunyai penguasaan (*dominion*) ke atas wang 1MDB dan dengan curang menyalah gunakan wang 1MDB; dan

(c) bagaimana DSN adalah ejen 1MDB.

[61] ACP Rajagopal gagal untuk menjelaskan bagaimana kerana pelakuan kesalahan di bawah s 409 KK maka kesalahan di bawah s 4(1) Akta dilakukan.

[62] Saya dapati tiada keterangan dan asas pelakuan kesalahan di bawah s 409 KK telah dibuktikan oleh pemohon.

[63] Bagi kesalahan di bawah s 411 KK ACP Rajagopal menyatakan dalam perenggan 39 bahawa pergerakan wang daripada Good Star ke akaun Bank Riyadh milik *Prince* Faisal dan *Prince* Saud dan seterusnya ke dalam akaun AmBank 9694 DSN memenuhi unsur-unsur pengubahan wang haram yang merupakan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta dan kesalahan dengan curang menerima harta curi di bawah s 411 KK. ACP Rajagopal juga menyatakan dalam perenggan 40 bahawa pergerakan wang daripada akaun Standard

Chartered Blackstone ke dalam akaun AmBank 9694 DSN memenuhi unsur-unsur pengubahan wang haram yang merupakan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta dan kesalahan dengan curang menerima harta curi di bawah s 411 KK.

[64] Walau bagaimanapun ACP Rajagopal gagal untuk menunjukan bahawa:

(a) wang itu adalah harta curi iaitu wang dipindahkan hasil daripada pelakuan pecah amanah jenayah atau penipuan dan gagal menjelaskan bagaimana pecah amanah jenayah dan atau penipuan itu berlaku;

(b) bagaimana Prince Faisal dan/atau Prince Saud mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai wang itu adalah harta curi; dan

(c) bagaimana Blackstone mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai wang itu adalah harta curi.

[65] ACP Rajagopal gagal untuk menjelaskan bagaimana kerana pelakuan kesalahan di bawah s 411 KK maka kesalahan di bawah s 4(1) Akta dilakukan.

[66] Saya dapati tiada keterangan dan asas pelakuan kesalahan di bawah s 411 KK telah dibuktikan.

[67] Dengan yang demikian adalah mustahil bagi ACP Rajagopal untuk menyimpulkan bahawa kesalahan di bawah s 409 KK dan s 411 KK telah dilakukan.

[68] Berdasarkan kepada afidavit ACP Rajagopal keseluruhannya (kandungan 3) saya dapati atas imbangan kebarangkalian kesalahan predikat di bawah s 409 KK dan s 411 KK tidak dibuktikan.

[69] Oleh kerana pelakuan kesalahan predikat tidak dibuktikan maka tiada pelakuan kesalahan di bawah s 4(1) Akta. Dan tidak timbul isu bahawa harta yang disita itu diperoleh berkaitan dengan pelakuan kesalahan predikat.

[70] Superintenden Foo menyatakan 401 utas jam tangan dan 16 unit aksesori jam tangan yang disita merupakan hasil daripada kesalahan di bawah s 409 KK (perenggan 49 kandungan 9). Superintenden Foo menyatakan daripada 401 utas jam tangan itu, sembilan utas jam tangan adalah berjenama Richard Mille yang diperoleh dengan menggunakan dana penyelewengan 1MDB menerusi Alsen Chance (perenggan 52 kandungan 9). Seterusnya Supt Foo menyatakan sebilangan daripada 401 utas jam tangan itu telah diterima sebagai hadiah persendirian tetapi tidak mempunyai pembuktian keterangan yang kukuh (perenggan 53 kandungan 9).

[71] Pelakuan kesalahan predikat di bawah s 409 KK tidak dibuktikan maka tidak timbul isu bahawa jam tangan yang disita diperoleh berkaitan dengan pelakuan kesalahan predikat. Seterusnya pengataan Supt Foo bahawa daripada 401 utas jam tangan itu, sembilan utas adalah berjenama Richard Mille yang diperoleh dengan menggunakan dana penyelewengan 1MDB menerusi Alsen Chance bertentangan dengan Appendix A eksh FWM53. Appendix A eksh FWM53 adalah senarai sembilan utas jam tangan berjenama Richard Mille. Appendix A eksh FWM53 menunjukan empat utas dibeli oleh pihak lain, item no 4 oleh Global Oriental Bhd ('Dato' Francis'), item no 5 oleh Datuk Desmond Lim dan item no 7 dan no 8 oleh YTL ('Datuk Francis') manakala lima utas lagi item no 1, no 2, no 3, no 6 dan no 9 hanya menyatakan tiada maklumat berkaitan. Appendix A eksh FWM53 dengan jelas menunjukan bahawa sembilan utas jam tangan berjenama Richard Mille bukan diperoleh berkaitan dengan pelakuan kesalahan predikat dan atau bukan diperoleh dengan menggunakan dana penyelewengan 1MDB menerusi Alsen Chance.

[72] Supt Foo menyatakan 2,440 unit barang kemas termasuk 2,435 unit (dalam permohonan ini) adalah diperoleh hasil daripada aktiviti haram iaitu penyelewengan wang 1MDB menerusi Blackstone, Alsen Chance, Blackrock dan Brightstone (perenggan 19 kandungan 9). US$ 247,599,466 telah dibayar oleh Blackstone, Alsen Chance, Blackrock dan Brightstone kepada 31 syarikat pengeluar dan penjual barangan kemas untuk pembelian barang-barang kemas (perenggan 48 kandungan 9, perenggan 23–24 kandungan 156).

[73] Pelakuan kesalahan predikat di bawah s 409 atau 411 KK tidak dibuktikan maka tidak timbul isu bahawa barang kemas yang disita diperoleh berkaitan dengan pelakuan kesalahan predikat.

[74] Superintenden Foo menyatakan 306 unit beg tangan yang disita merupakan hasil daripada suatu kesalahan di bawah s 409 KK (perenggan 54 kandungan 9). Blackrock telah membuat satu pembayaran berjumlah US$665,000 bertarikh 7 Oktober 2013 kepada Samilor, di New York, Amerika Syarikat. Pembayaran ini adalah bagi pembelian 13 unit beg tangan Hermes yang disenaraikan dalam inboisnya bernombor 838 (perenggan 55 kandungan 9). 11 beg tangan Hermes yang disita adalah berpadanan dengan deskripsi beg tangan Hermes dalam inbois nombor 838 (perenggan 56 kandungan 9). Superintenden Foo menyatakan sebilangan daripada 306 unit beg tangan telah diterima sebagai hadiah tetapi tidak mempunyai keterangan yang kukuh untuk pembuktian (perenggan 57 kandungan 9). Superintenden Foo menyatakan Blackrock telah membuat satu pembayaran berjumlah US$980,000 bertarikh 21 November 2013 kepada Samilor bagi pembelian 20 unit beg tangan Hermes *Birkin*. Pemilik Samilor mengesahkan 18 unit beg tangan Hermes *Birkin* yang disita adalah berpadanan dengan deskripsi dalam inboisnya (perenggan 63–64 kandungan 156).

[75] Pelakuan kesalahan predikat di bawah s 409 KK tidak dibuktikan maka tidak timbul isu bahawa beg tangan yang disita diperoleh berkaitan dengan pelakuan kesalahan predikat.

[76] Permohonan pemohon untuk melucuthakan harta yang disita atas asas bahawa harta yang disita adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau hasil daripada aktiviti haram semestinya gagal.

[77] Atas imbangan kebarangkalian pemohon gagal membuktikan bahawa harta yang disita adalah hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau hasil daripada aktiviti haram.

KESIMPULAN

[78] Permohonan pemohon dalam kandungan 165 untuk melucuthak 2,435 unit barang kemas, tujuh utas jam tangan dan 29 unit beg tangan adalah ditolak.

[79] Saya telah memutuskan bahawa harta yang disita bukan diperoleh berkaitan dengan pelakuan kesalahan predikat. Dengan itu tiada keperluan untuk menimbang sama ada pihak ketiga DSN dan pihak ketiga DSR telah memenuhi kehendak s 61(4)(a) hingga (e) Akta. Ketetapan (*ruling*) ini adalah sama dengan ketetapan berkaitan wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi.

[80] Saya setuju dengan penghakiman Abang Iskandar Abang Hashim PK dalam *Public Prosecutor v Lau Kwai Thong* [2009] 14 MLRH 632 yang menyatakan seperti berikut:

> [4] Once the property has been determined of its status as being illegal property, the court will then hear out the claim made by the third party before coming to the final order of disposal of the said property one way or the other.

Permohonan pemohon ditolak.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail